

BANK ISLAM LANTIK YM RAJA DATIN PADUKA TEH MAIMUNAH SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Untuk mempercepatkan transformasi digital Kumpulan, menghubungkan kepakaran digital bersama legasi perintis Bank Islam dalam sektor kewangan Islam

KUALA LUMPUR, Jumaat, [6 Februari 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mengumumkan pelantikan YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, berkuat kuasa 1 April 2026.

Pelantikan ini adalah hasil daripada proses pencarian yang rapi dan menyeluruh, di mana Lembaga Pengarah telah menilai dengan teliti sekumpulan besar calon yang berkelayakan tinggi. Setelah pertimbangan mendalam, Lembaga Pengarah telah memutuskan bahawa Raja Teh Maimunah merupakan calon terbaik untuk memimpin Kumpulan ke fasa pertumbuhan seterusnya. Selain rekod pencapaian dalam kepimpinan strategik dan kecemerlangan operasi yang luas, beliau secara konsisten telah menunjukkan keserasian dengan nilai teras, termasuk pematuhan prinsip-prinsip Syariah yang menjadi asas kepada operasi dan tadbir urus Bank Islam.

Beliau menggantikan Dato' Mohd Muazzam Mohamed, yang telah bersara awal pada Disember 2025 setelah lebih sedekad berjasa di Bank Islam. Di bawah kepimpinan Mohd Muazzam, Kumpulan telah mengukuhkan terasnya sebagai sebuah bank perintis kewangan Islam di Malaysia, pada masa sama, mengemudi landskap kewangan yang semakin digital dan kompleks.

Sebelum menyertai Bank Islam, Raja Teh Maimunah adalah Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) AEON Bank (M) Bhd. Beliau telah berjaya menerajui pelancaran bersejarah bank digital Islam pertama di Malaysia. Sepanjang tempoh perkhidmatan, beliau merupakan perancang utama di sebalik infrastruktur natif awan teras bank tersebut, sekali gus meletakkan penanda aras baharu bagi inovasi digital patuh Syariah.

Kerjaya beliau selama 30 tahun meliputi jawatan kanan di beberapa institusi kewangan terkemuka termasuk sebagai Pengarah Urusan Perbankan Borong Kumpulan AmBank dan CEO Hong Leong Islamic Bank. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pasaran Islam Global di Bursa Malaysia, di mana beliau merintis pelancaran Bursa Suq Al-Sila', sebuah platform dagangan komoditi patuh Syariah pertama dunia. Sebagai mengiktiraf kepimpinan dan sumbangan Raja Teh Maimunah terhadap industri, beliau telah diberi penghormatan sebagai Personaliti Kewangan Islam Terbaik pada 2016 dan Anugerah Ahli Perbankan Wanita Cemerlang ASEAN pada 2025.

Pengerusi Bank Islam, Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar, berkata, “Kami mengalu-alukan kehadiran YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah sebagai CEO Kumpulan yang baharu. Kepimpinan beliau yang terbukti dalam industri kewangan dan inovasi digital adalah sejajar dengan aspirasi strategik kami. Sebagai peneraju perbankan Islam Malaysia, Bank Islam sentiasa berubah seiring keperluan negara. Lembaga Pengarah yakin di bawah kepimpinan beliau, Kumpulan akan terus memperkukuhkan kedudukan pasaran, memacu inovasi dan menyampaikan nilai mampan kepada semua pemegang taruh, pada masa sama menjunjung standard tertinggi Syariah dan integriti.”

Pelantikan Raja Teh Maimunah menandakan detik penting bagi Bank Islam dalam mempercepatkan usaha transformasinya ke arah menjadi peneraju institusi kewangan Islam. Beliau akan memacu fasa penerapan dan transformasi digital Kumpulan yang seterusnya dengan menggabungkan kepakaran digital bersama pengalaman merintis industri kewangan Islam yang dimiliki Bank Islam.

Raja Teh Maimunah berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (LLB) Undang-Undang (Kepujian) dan Doktor Kehormat Undang-Undang dari University of East London. Beliau merupakan Felo Pegawai Bank Bertauliah dan Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam (CPIF).

NOTA: Kami memohon kerjasama anda untuk menggunakan gambar yang dilampirkan dalam penerbitan. Terima kasih.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.